

02/07/2001

`Pelajar UM tidak terbabit bakar dewan'

KUALA LUMPUR, Ahad - Universiti Malaya (UM) percaya pelajaranya tidak terbabit dalam kes kebakaran Dewan Tunku Canselor universiti itu pada awal pagi Jumaat lalu.

Naib Canselornya, Datuk Dr Anuar Zaini Mohd Zain, menolak kemungkinan itu berdasarkan siasatan awal UM berhubung kebakaran berkenaan.

"Tidak, tidak, tidak... bukan daripada pelajar UM," katanya ketika ditanya sama ada maklumat dalam siasatan awal itu berkisar mengenai pelajar UM.

Dr Anuar Zaini bagaimanapun enggan mengulas lanjut apabila ditanya butiran hasil siasatan itu.

"Ini adalah perkara jenayah dan polis mengendalikan semua siasatan," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis penutup Simposium Penegasan Arah Tuju Idealisme Mahasiswa Di Alaf Baru di UM, hari ini, yang disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dr Anuar Zaini berkata, UM bekerjasama rapat dengan polis dan menyerahkan laporan terus kepada pasukan itu.

"Mereka (polis) berjanji untuk mempercepatkan siasatan, tetapi ini adalah perkara jenayah... kita akan serah segalanya kepada mereka dan memang kita bagi dah," katanya.

Kebakaran pada jam 3.45 pagi Jumaat lalu, memusnahkan sebahagian besar peralatan kayu dan fabrik termasuk kerusi serta meja. Turut musnah, 1,800 jubah akademik untuk konvokesyen dan kerugian dianggarkan RM12.4 juta.

Mengenai konvokesyen UM, Dr Anuar Zaini berkata, majlis itu akan diadakan pada minggu pertama atau kedua Oktober ini.

Konvokesyen itu pada mulanya dijadualkan diadakan di dewan berkenaan mulai 1 hingga 4 Ogos ini.

Beliau berkata, beberapa tempat dicadangkan untuk acara itu, termasuk Kompleks Sukan Bukit Jalil dan Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Katanya, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr Mohd Khir Toyo juga mencadangkan konvokesyen itu diadakan di Stadium Malawati, Shah Alam.

Terdahulu, dalam ucapan alu-aluannya pada simposium itu, Dr Anuar Zaini menyifatkan kebakaran dewan itu sebagai amat menyedihkan pelajar dan bekas pelajar UM.

"Jika kebakaran itu disengajakan, pihak universiti amat kesal sekali dan menuntut tindakan undang-undang (terhadap orang yang disyaki). Tetapi masih terlalu awal untuk kita buat tuduhan.

"Biarlah pihak berkuasa menentukan apa punca sebenar. Namun, semangat kami di UM tidak akan patah dan lebur berikutan kejadian ini," katanya.

(END)